




## SOROTAN BUKU "GERAK DA DIALOG"

### S MARKASAN TIDAK SEKADAR MENYINGKAP KEHIDUPAN

Oleh : MOHAMED NAIM DAUPI

Pernah tersiar di akhbar Berita Minggu

Pada 150882, 220882 dan 290882



*Kerana gerakanlah manusia membentuk dan menamakan kehidupannya. Dengan tindak-tanduk dan keupayaannya bekerjalah, kehidupan bergerak mengisi daerah dan waktu Tanpa gerakan-gerakan, kehidupan menjadi kaku dan sepi; seperti tumbuh-tumbuhan yang bercambah dan membesar kemudiannya layu dan kering. Jadi, dengan **gerak**, manusia membentuk kehidupannya.*

*Dan dalam kehidupannya manusia memerlukan komunikasi. Tanpa komunikasi, manusia tidak akan terbentuk sebagai satu unit yang kita namakan masyarakat. Dengan adanya dialog pula, manusia dapat berkomunikasi secara dua hala. Tanpa dialog, masyarakat tidak akan menemui keutuhan, keharmonian dan kesejalinan. Jadi, dengan **dialog**, manusia membentuk masyarakatnya.*

*Maka, wajarlah S.Markasan menamakan antologi cerpen perseorangannya yang kedua ini dengan nama **Gerak dan Dialog** (seterusnya GDD) yakni kehidupan dan masyarakat. Melalui GDD, kita dapat melihat S.Markasan mengemukakan persoalan-persoalan kehidupan yang menyentuh pelbagai lapisan masyarakat, menjenguk kehidupan masyarakatnya dengan pengamatan yang mengesankan menerusi sebelas buah cerpennya dan sebuah fragmen novelnya.*

*Menerusi cerpennya yang pertama, Ini Muka-muka Baru, S.Markasan mengisahkan Salleh dan teman-temannya (Amin dan Amat Keling) yang keciciran persekolahannya terhimpit oleh keadaan. Hidup menyegerakan mereka lebih dewasa daripada umurnya. Mereka terheret oleh arus kehidupan yang tak sepatutnya dijamah ketika usia semuda mereka. Hidup memaksa mereka mengenali pencurian, seks, ketagihan rokok dan sebagainya dalam mengisi waktu senggang mereka. S.Markasan seolah-olah mendedahkan penyakit-penyakit yang bakal menyerang masyarakat jika persoalan keciciran tidak dipulihkan. Dan S.Markasan meminta kita untuk membasminya lebih awal sebelum sempat menular.*

*Persoalan mengenai anak-anak sekolah digarap juga di dalam cerpennya Anak yang Dibenci, Saya Tidak Memukul Anak Tuan dan Pahlawan Panggung. Cerpen-cerpen itu memperlihatkan kepada kita bagaimana S.Markasan mengaitkan pengalaman yang pernah dijalaninya sebagai seorang guru. Melihat telatah murid-murid dan melihat tindak-tanduk*

guru dan ibu bapa dalam lingkungan-lingkungan 'sekolah dan Pendidikan'. S.Markasan mengadun pengalamannya itu dengan daya imajinasinya yang sederhana, bersahaja tetapi tersusun dengan pemakaian bahasanya yang licin dan padat.

Melalui Anak yang Dibenci, S.Markasan menyorot Siti, seorang anak kecil yang baru mahu melangkah ke alam yang jauh dan terlepas dari lingkungan keluarga dan sekolah, menghadapi tekanan-tekanan psikologi akibat ketidakikhlasan hati seorang guru. Siti menganggap sekolah sebagai sebuah penjara, sekolah menjadikan hatinya sentiasa berkecamuk, gusar dan memedihkan, kesal dan memualkan. Kehidupan sekolah adalah musuh yang amat dibencinya. Sedang gurunya pula dianggap sebagai manusia yang setiap saat ingin memahaminya.. Gurunya benar-benar seperti momok yang pernah dibayangkan oleh ibu bapanya. Gurunya adalah manusia yang amat ditakutinya dan dibencinya.

Akibat daripada tekanan-tekanan inilah, Siti mengakiri hayatnya dengan kesudahan cerita yang amat tragik; Ia mati dilanggar sebuah kereta di luar pekarangan sekolahnya.

S.Markasan melalui cerpennya ini membayangkan kepada kita betapa guru merupakan manusia yang berperanan memberikan pelajaran dan pendidikan terutamanya kepada anak-anak yang baru melangkah ke alam persekolahan. Kekejutan emosi dan pengalaman seseorang kanak-kanak haruslah dibelai supaya suasana sekolah dan rumah tidak banyak berbeza. Anak-anak seperti Siti haruslah disemai bahawa sekolah sebuah tempat yang damai dan akrab. Perasaan cinta terhadap sekolah dan suasana kehidupannya yang harmonis begini sebenarnya dapat membantu anak-anak yang kurang cerdas seperti Siti ini, menyuburkan jasmani dan rohaninya, membina pemikirannya dan membangunkan seorang anak manusia dengan keazaman, ketekunan, semangat dan rangsangan bagi menuju sebuah kehidupan hari muka yang lebih cerah, selesa dan selamat.

Sementara guru pula dalam peringkat permulaan begini haruslah benar-benar berperanan sebagai pengganti ibu bapa yang pengasih dan penyabar. Guru haruslah mengekalkan 'perhubungan yang baik' dengan murid-muridnya demi membentuk murid-muridnya menjadi seorang warga yang serna diperlukan oleh negara.

Watak Jemah adalah perlukisan S.Markasan tentang seorang guru yang tidak bertanggungjawab, mementingkan diri sendiri dan tidak penyabar. Maki hamun, ancaman-ancaman dan hukuman-hukuman yang tidak sepatutnya terlempar kepada Siti oleh Jemah merupakan insiden-insiden yang membangunkan dan menyuburkan perjalanan cerpen Anak yang Dibenci ini. Dan S.Markasan berjaya memberikan kita kesan haru yang menyayatkan di akhir cerpennya itu dengan insiden Siti dilanggar kereta. Betapa kita ditinggalkan dengan rasa simpati terhadap Siti; anak kecil yang menjadi mangsa ketidaktukusan seorang dewasa dengan pekerjaannya. Dan betapa Siti terus tenggelam oleh kekejutan emosi lantaran pertukaran iklim dan suasana rumah kepada kehidupan sekolah yang tidak banyak menyebelahnya.

Melalui Anak yang Dibenci juga, S.Markasan berjaya menyingkap kita betapa masyarakat harus memandang perlu bahawa kesempurnaan sesebuah masyarakat bermula dengan



penanaman benih-benih yang sihat kepada anggota-anggota celiknya. Jika ia terabaikan, gejala-gejala ini akan menular seperti yang pernah dirakamkan di dalam cerpennya, Ini Muka-muka Baru.

'Saya Tidak Pukul Anak Tuan pula mengisahkan perihal seorang bapa (Ali yang tergesa-gesa melemparkan tuduhan kepada seorang guru besar (Cikgu Muhammad) mememukul anaknya (Mostar) begitu teruk sehingga lebam-lebam dan bilai-bilai mukanya. Di samping Ali menemui guru besar itu dengan ancaman-ancamannya, Ali juga mengadu kejadian tersebut kepada pihak atasan dan membesar-besarkan di dada akhbar. Ini menjadikan guru besar tersebut bingung dan resah; menghadapi sikap ibu bapa yang tidak usul periksa, keburukan namanya dan bakal menghadapi tindakan majikannya pula. Pada akhir cerita, Ali kedapatan bahawa tanda-tanda lebam pada tubuh anaknya itu bukanlah akibat dibelasah oleh guru besar tadi tetapi lantaran mencuri goreng pisang.

S.Markasan cuba menonjolkan betapa guru yang berdedikasi seperti Muhammad menjalankan tugasnya demi kepentingan murid-murid. Sikap dan semangat ini tidak akan sampai ke matlamatnya andainya ibu bapa tidak turut bekerjasama. Ibu bapa tidaklah harus membuta tulis mendengar segala aduan anak yang belum tentu benar tidaknya. Ibu bapa harus bertanggungjawab sama dalam membina keperibadian seseorang anak terutama di luar lingkungan sekolah.

Tetapi dalam memberikan gambaran yang sederhana dan mudah ini, S.Markasan agak kurang berhati-hati. Kita digambarkan betapa muka Mostar lebam dan tangannya berbilai-bilai seperti disebut (halaman 35), tetapi pengakuan Ali (bapa Mostar), muka dan tangan anaknya kena minyak panas (halaman 40) menampakkan dua kecederaan Ali yang berbeza. Mungkin S.Markasan ingin menyatakan 'kebodohan dan ketergesaan' Ali tidak dapat membezakan cedera disebut dengan rotan dengan cedera akibat minyak panas. Atau mungkin pula, S.Markasan sendiri tidak dapat menyingkap sebuah insiden lain yang lebih meyakinkan kita selain Mostar terkena minyak panas.

Sementara Pahlawan Panggung pula mengemukakan watak penuntut sekolah iaitu Isa dan Wahid yang masing-masing diberi peranan berlakon sebagai Jebat dan Tuah dalam sebuah pementasan di sekolah mereka.

Di dalam masa masyarakat penulis mempersoalkan antara sifat keperwiraan dan sifat kesetiakawanan Jebat yang sejati dengan penderhakaan dan kebuasan seks Jebat, sekadar contoh Kasim Ahmad melalui puisinya, banyak menerapkan Jebat sebagai watak bangsa Melayu yang unggul dan tidak tunduk kepada feodalistik atau Usman Awang melalui naskah dramanya Matinya Seorang Pahlawan, S Markasan juga tidak mahu ketinggalan menerapkan persoalan tersebut melalui cerpennya Pahlawan Panggung ini.

Walaupun pengolahan cerita ini agak mendatar tetapi S. Markasan melalui pengakhiran ceritanya dengan Isa (sebagai Jebat) benar-benar mengamuk dan mnikam Wahid (sebagai Tuah) berjaya meninggalkan kita dengan pertanyaan; mengapa Isa mengamuk sehingga menikam dan mencederakan Wahid? Mungkin kita menganggap bahawa Isa berbuat

demikian semata-mata kerana ingin membalas dendam terhadap Wahid yang dalam masa latihan telah benar-benar bersilat dan menikam perut Isa dengan keris kayu. Atau mungkin sifat cemburu Isa lantaran Normah lebih menyebelahi Wahid, atau mungkin akibat Isa terlalu banyak mengkaji peristiwa Jebat dalam buku-buku sejarah dan ingin menyatakan 'simpati' terhadap Jebat yang mati di tangan orang yang dibelanya seama ini. Di sini letaknya 'ketukangan' S.Markasan dalam menulis cerpennya ini. Pada S. Markasanlah segala pertanyaan ini terjawab.

Persoalan anak sekolah dengan latar masa yang berbeza disingkap oleh S. Markasan di dalam cerpennya Perang Datang. Watak Man yang digambarkan begitu ghairah dengan pelajarannya telah terhalang akibat ketibaan perang. S.Markasan melalui cerpennya ini ingin menyatakan bahawa sememangnya perang meruncingkan masyarakat, ia tidak sahaja menimpakan berbagai-bagai penderitaan tetapi menjejaskan persekolahan dan pendidikan anak-anak. Walaupun begitu kedatangan Jepun membawakan impian-impian baru pada sebahagian manusia terutama kepada sesiapa yang menobatkan 'kebebasan Asia' atau ingin terlepas daripada belenggu kapitalis dan imprealis. Dan di dalam Perang Datang di samping menyingkap penderitaan Man dan keluarganya yang terpaksa berpindah-pindah lantaran perang, S.Markasan membawakan impian Man untuk membeli sebuah basikal dengan harga hanya tiga sen sahaja.

Sebuah lagi cerpen yang berlatarkan peperangan ini ialah cerpen Kamoe-San. Melalui Kamoe-San, S.Markasan menggambarkan adanya rasa kemanusiaan di sanubari seorang tentera Jepun yang pada pandangan ramai sangat zalim dan tidak berperikemanusiaan. Kamoe San (tentera Jepun tersebut) yang pernah mengubat Yusof yang sakit dan melayan kanak-kanak dengan baik telah disengat muram dan runsing kerana tiadanya layanan daripada masyarakat pada waktu-waktu kekalahan Jepun daripada tangan tentera berikat. Melalui cerpen ini, S.Markasan mendedahkan kepada kita betapa tidak semua askar Jepun itu ganas dan tidak berhati perut.

Persoalan kewarganegaraan adalah persoalan rumit yang tidak pernah selesai. Dilema watak utamanya Sri Widajati Tan yang memohon taraf penduduk tetap daripada wilayah 3 tempat ia menumpahkan taat dan setianya dan daripada wilayah 2 empat ia dilahirkan adalah gambaran-gambaran betapa anak-anak yang dilahirkan di luar negara asalnya akan menghadapi kerumitan ini dan akan berlanjutan menjadi warga yang tanpa negara.

Lantaran dari keputusan inilah Sri Widajati Tan tidak memperoleh pekerjaan walaupun mempunyai kelulusan universiti dan terpaksa memutuskan pertanggungannya dengan Mahmud yang pernah dijalinnya selama lima tahun. Akibat dari kerundungan inilah Sri Widajati Tan membunuh diri di tengah-tengah pemimpin wilayah 2 dan wilayah 3 bermain golf dan bersalaman erat.

S.Markasan menggarap cerpennya Di Tengah Pemimpin dalam bentuk yang amat menarik, licin, mengharukan dan mengesankan. Di Tengah Pemimpin mendedahkan kepada kita betapa akurnya pemimpin-pemimpin antara dua buah negara, tidak pernah menjamin



kebebsan penduduknya dari mendiami negara yang satu lagi secara tetap. Politik sebenarnya menyempitkan pergerakan manusia.

Persoalan kejiranan disingkap S. Markasan di dalam cerpen-cerpennya Senja di Sebuah Flat dan Sengketa. Melalui Senja di Sebuah Flat kita digambarkan betapa anak-anak Baharin tidak dapat menonton tv di rumah jirannya kerana budak-budak sering mengotorkan rumah sewaktu menonton. Akibat daripada desakan isterinya, Baharin membeli juga sebuah peti tv tanpa diketahui oleh isterinya bahawa wang pembelian tersebut adalah dari pajakan barang kemasnya. Setelah mempunyai tv, Baharin mempunyai masalah yang sama seperti yang ditanggung oleh jirannya dulu, malah Baharin tidak dapat memilih saluran atau cerita yang digemarinya demi menjaga hati jiran-jirannya yang menonton tv di rumahnya dan Baharin juga tidak dapat menyiapkan rancangan pengajarannya dengan tenang lantaran kebisingan jiran-jirannya yang sama menonton. Dan setelah isterinya mengetahui dari mana Baharin mendapat wang membeli tv, perselisihan dengan isterinya itu tercetus.

Walaupun persoalan cerpen ini amat ringan sekali dan digarap dengan amat sederhana pula, S.Markasan sempat membidas segolongan masyarakat yang beria-ia benar hendak memiliki sebuah tv walaupun kurang kemampuan..

Melalui Sengketa pula, S.Markasan menyorot pertelingkahan keluarga Cikgu Khalid dengan keluarga Borhan. Kita digambarkan betapa kedua-dua jiran ini tidak pernah damai dan saling bermusuhan. Masing-masing, Cikgu Khalid dan Borhan tunduk kepada percakapan isteri mereka. Perselisihan ini semakin berpanjangan kerana meerebut pokok betik yang telah berbuah. Ini menyebabkan Borhan memukul Nordin (anak Cikgu Khalid), sedang Borhan pula kemudiannya dipukul oleh kawan-kawan Nordin.

Walaupun cerpen ini terasa ditarik-tarik pengolahannya sehingga memakan 36 halaman dengan sebelas babak, S.Markasan memberikan sedikit gambaran betapa kerukunan antara jiran dapat memberikan suasana kehidupan yang menceriakan. Watak Cikgu Khalid tidak meyakinkan kita. Apakah seorang guru yang dikenalnya dengan sifat kepimpinannya tidak dapat mengatur kehidupan keluarganya dan sentiasa tunduk dengan kemahuan isterinya? Dan watak-watak seperti ini banyak dilukis oleh S.Markasan di dalam antologi GDDnya ini. Sekadar contoh ialah Cikgu Muhammad (Saya Tidak Pukul anak Tuan) dan Cikgu Khalid (Senja di Sebuah Flat).

Seorang guru yang masih mempercayai kepercayaan-kepercayaan karut digarap di dalam cerpennya Tikus, Kucing dan Manusia. Betapa S.Markasan menyingkap Cikgu Rat yang begitu cemas setelah membunuh seekor tikus dan membuang tiga ekor anak kucingnya ketika isterinya belum datang haid. Fikirannya berkecamuk dengan bayangan-bayangan akan rupa dan sifat anaknya jika isterinya benar-benar hamil. Dengan nada humor yang sederhana, S.Markasan cuba memberikan gambaran betapa dalam tahun 70-an itu masih ada lagi orang yang mempercayai amalan-amalan karut demikian, tetapi gambaran ini tidak terselesaikan dan S.Markasan menggantungkan gambarnya ini untuk pembaca memikirkannya.



Seorang guru yang berwatak gigih dalam menghadapi dilema rumahtangga sama ada mahu bersefahaman dengan keluarga isterinya atau mengorbankan penceburannya dalam parti politik disingkap dalam fragmen novelnya; Api yang Membara. Mungkin Cikgu Amir dapat menunaikan kehendak isterinya supaya bersolat dan meninggalkan lapangan politiknya tetapi permintaan isterinya supaya menyesuaikan pemikirannya dengan cara berfikir kedua-dua mentuanya adalah sesuatu yang rumit dan tidak dapat dilaksanakan; Aku harus berfikir macam dia orang? Dan dia ketawa perlahan sekali untuk dirinya sendiri (halaman 174). Melalui fragmen ini, S.Markasan menonjolkan kecekan watak seorang guru, tidak seperti watak guru-guru yang pernah disebutkan lebih awal tadi.

Melalui Penghulu yang Hilang Segala-galanya pula. S.Markasan meninjau kegelisahan seorang anak manusia (Pak Suleh) lantaran terpaksa berpindah dari tempat asalnya demi pembangunan negara. Dengan olahan yang menarik, kita melihat kekusaran Pak Suleh yang kehilangan kebiasaan-kebiasaan hidupnya dan terpaksa 'didera' untuk menyesuaikan hidupnya dengan suasana-suasana yang serba asing. (Lihat seterusnya tulisan saya, Persoalan Dalam Cerpen, Berita Minggu 4 dan 11 Julai 1982).

Yang menarik memperkataan GDD secara keseluruhannya, kita dilihatkan dengan rakaman-rakaman suasana kehidupan lampau; dari semenjak tibanya perang hinggalah ke zaman mengisi kemerdekaan. (Ini kerana rata-rata cerpen yang terkandung di dalamnya dicipta atau diterbitkan di antara 1963 hingga 1977). Betapa S.Markasan memberikan kita gambaran-gambaran kehidupan masyarakat sebagai bahan dokumentasi emosi dan fikiran yang bererti. Melalui GDD inilah rakaman-rakaman kehidupan terakam; Emosi Pak Suleh yang tergugah oleh pembangunan (Penghulu yang Hilang Segala-galanya), emosi Siti yang terhimpit oleh sistem pendidikan yang belum sempurna (Anak yang Dibenci), emosi Widajati (Di Tengah Pemimpin) yang terguris oleh halangan dan kehendak politik dirakam untuk kita merasai dan memikirkannya.

Dalam kepelbagaian tema dan persoalannya, GDD juga mengisi pandangan S.Markasan yang futuristik. Melalui Penghulu yang Hilang Segala-galanya kita dibawa S. Markasan ke tahun 1990, sedangkan peristiwa ini sedang menyengat sebahagian sanubari penduduk di negara-negara yang membangun seperti Singapura. Melalui cerpen ini juga kita digambarkan betapa masyarakat Melayu sudah tidak mengambil berat akan bahasa ibundanya. Begitu juga di dalam fragmen Api yang Membara, sikap memandang rendah terhadap bahasa Melayu disingkapnya. Dan penyakit ini semakin menular sehingga kini.

GDD adalah rakaman-rakan S.Markasan tentang kehidupan masyarakat yang pernah dihidirinya dengan daya rasa dan daya tanggap yang mengesankan emosi dan pemikiran kita terutama di dalam cerpen-cerpennya Penghulu yang Hilang Segala-galanya, Anak yang Dibenci dan Di Tengah Pemimpin. Melalui gerak-gerak (kehidupan) masyarakatnya inilah, S.Markasan mengajak kita berdialog, memikirkan dan membina masyarakatnya bersama-sama dengannya. Dan S.Markasan tentunya tidak sekadar menyingkapnya semata-mata.





Makalah ini pernah tersiar di akhbar Berita Minggu pada 15, 22 dan 29 Ogos 1982